



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

SKMM Saman Telco kerana *Dropped Calls*

Cyberjaya, 6 Mac 2013 – Tiga syarikat telekomunikasi (Telco) utama telah dikompaun RM190,000-00 oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) kerana melanggar syarat-syarat lesen mereka, terutamanya berkenaan aduan orang ramai mengenai panggilan terputus atau *dropped calls*.

"Syarikat-syarikat telekomunikasi telah diberi masa dan peringatan yang mencukupi untuk menyelesaikan aduan yang diterima daripada pelanggan mereka mengenai peningkatan kejadian *dropped calls* sejak kebelakangan ini. Sebagai pengawal selia industri, kami tidak mempunyai pilihan melainkan untuk mengeluarkan saman kepada mereka kerana gagal mencapai piawaian dan tahap perkhidmatan yang ditetapkan," kata Dato' Mohamed Sharil Tarmizi, Pengerusi SKMM.

DiGi Telecommunications Sdn Bhd telah dikompaun RM100,000-00 untuk empat kompaun yang berasingan, Celcom Axiata dikompaun RM60,000-00 untuk tiga kompaun yang berasingan, manakala Maxis Mobile Services Sdn Bhd dengan dua kompaun berasingan berjumlah RM30,000-00.

Kompaun dikeluarkan berdasarkan hasil ujian yang dijalankan oleh SKMM di beberapa lokasi di negara ini. Lebih banyak ujian sedang dijalankan di seluruh negara untuk mengukur kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi.

Kenyataan Media

Press Release

Dato' Mohamed Sharil menambah bahawa SKMM sedar bahawa syarikat-syarikat telekomunikasi telah mula menaik taraf dan melaksanakan usaha-usaha untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan mereka di negara ini tetapi beliau menegaskan bahawa ianya harus dipercepatkan. "Orang ramai tidak patut bertolak ansur dengan peningkatan kejadian *dropped calls* atau mutu perkhidmatan yang buruk."

[Tamat]

Nota kepada Editor:

Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Ketua Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000

Faks: +603 8688 1007

E-mel: ccd@cmc.gov.my